

**Biografi Individu Di Sebalik Kejayaan Sukan Sepak Takraw Negara:
Ku Jaisman Ku Ismail**

Abu Ayub Ansari Biraudin
Zaim Aiman Mustaza
Jannatul Iza Ahmad Kamal
Mazlina Pati Khan

Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana
Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor

Abstrak

Artikel ini berasaskan sejarah lisan melalui temu bual yang telah dijalankan bersama individu yang berperanan penting dalam melahirkan pemain-pemain sepak takraw negara iaitu Ku Jaisman Ku Ismail. Beliau adalah seorang guru dan juga seorang jurulatih sukan sepak takraw bagi Sekolah Projek Sukan sepak takraw negeri Perak, SMK Dato' Haji Hussein. Artikel ini merangkumi kisah latar belakang kehidupannya dan alam persekolahan yang menjuruskan minatnya daripada permainan bola sepak kepada permainan sepak takraw. Selain tentang penglibatan beliau dalam sukan sepak takraw, artikel ini juga turut menyentuh mengenai pengalaman sepanjang perjalanan beliau daripada seorang pemain hingga menjadi jurulatih sukan sepak takraw yang berjaya melahirkan seorang pemain sepak takraw negara iaitu Azlan Alias. Artikel ini bertujuan untuk dijadikan rujukan kepada pengkaji dan juga menyediakan bahan ilmiah kepada masyarakat untuk mengenali tokoh dalam bidang sukan sepak takraw.

Kata Kunci: Ku Jaisman, atlet, sepak takraw, Sukan Asia 2018, SMK Dato' Haji Hussein.

Abstract

This article is based on oral history through interview conducted with the individual who plays an important role in producing the national sepak takraw players, Ku Jaisman Ku Ismail. He is a teacher and also a coach of the sepak takraw sports for the Sports Project School of Perak state, SMK Dato' Haji Hussein. This article covers the background of the story of his life and schooling that entailed his interest of a football game to sepak takraw sport. Apart from his involvement in sepak takraw, this article also touches on his experiences throughout his journey from a sepak takraw player to a coach who succeeded in producing a national sepak takraw player, Azlan Alias. This article is intended to serve as a reference to other researchers and also to provide intellectual resource for the community to expose an important figure in the sport of sepak takraw.

Keywords: Ku Jaisman, athlete, sepak takraw, Asian Games 2018, SMK Dato' Haji Hussein.

Latar Belakang Ku Jaisman Ku Ismail

Nama diberi ialah Ku Jaisman bin Ku Ismail. Nama ini diambil daripada gabungan tiga nama iaitu ibu beliau Jamiatun, bapa beliau Ismail dan datuk beliau Man. Hasil daripada tiga gabungan nama ini maka jadilah nama Ku Jaisman. Beliau merupakan anak jati kelahiran negeri Kedah. Beliau dilahirkan di Jeniang, Kedah pada tahun 1980. Beliau adalah anak sulung daripada enam orang adik-beradik yang terdiri daripada tiga orang lelaki dan tiga orang perempuan. Bapa beliau merupakan seorang anggota polis di Felda Lubok Merbau manakala ibunya seorang suri rumah sepenuh masa. Sejak beliau berada di bangku sekolah lagi beliau merupakan seorang pelajar yang aktif dalam kokurikulum. Beliau merupakan atlet sekolah dan banyak sukan yang beliau ceburi dan masih aktif hingga ke hari ini.

Selain bermain sepak takraw, beliau juga mempunyai hobi lain seperti bermain bola sepak, bermain badminton, memancing ikan dan juga melancong ke

tempat-tempat menarik di dalam dan di luar negara. Beliau telah mendapat pendidikan awal di Tadika Felda Lubok Merbau, kemudian beliau bersekolah darjah satu di Sekolah Kebangsaan (SK) Lubok Merbau di Pendang, Kedah. Tidak sampai satu tahun, ayah beliau ditukarkan ke Felda Telui Kanan dan beliau terpaksa bertukar ke SK Telui Kanan di Kuala Ketil dari darjah satu hingga darjah tiga. Kemudian, dari Felda Telui Kanan beliau bertukar sekolah lagi ke SK Telui Timur.

Impian bapa Ku Jaisman apabila beliau melangkah masuk ke sekolah menengah adalah untuk menjadikan kesemua anak-anaknya sebagai pengganti arwah datuknya yang merupakan seorang imam di Masjid Besar Alor Setar. Beliau juga pernah bersekolah di Pondok Pisang ataupun dikenali sebagai Yayasan Khairiah di Baling, Kedah. Namun begitu, hasrat ayahnya itu tidak kesampaian kerana beliau tidak dapat bertahan lama atas sebab tidak dapat menyesuaikan diri di sekolah tersebut. Rentetan itu, dengan izin kedua-dua orang tuanya akhirnya beliau bertukar ke Sekolah Menengah Kebangsaan Felda Telui Kanan dan tinggal bersama-sama keluarga.

Pada usia enam belas tahun, beliau telah ditawarkan ke Sekolah Projek Sukan sepak takraw yang pertama di daerah Baling iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Putra di mana sekolah tersebut adalah pusat berkumpul atlet-atlet sepak takraw yang berbakat di negeri Kedah. Memang telah menjadi cita-cita beliau untuk menjadi seorang pemain sepak takraw profesional. Setelah perbincangan dan mendapat restu daripada orang tuanya beliau berpindah ke Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sirkir untuk bersama skuad sepak takraw negeri Kedah.

Sementara menunggu keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) beliau berhijrah ke Sg. Yan, Kedah dan bekerja sementara sebagai pembantu kantin di Sekolah Guar Cempedak, Kedah. Di sana beliau tinggal bersama cikgu Syukor iaitu individu yang mempunyai pengaruh dan pengalaman yang banyak dalam sukan sepak takraw. Cikgu Syukor juga merupakan individu yang menjadi inspirasi kepada beliau untuk bergiat aktif dalam sukan sepak takraw sehingga hari ini.

Kemudian, beliau menyambung pengajiannya ke tingkatan enam dari tahun 1998 hingga tahun 1999.

Pada tahun 2000, beliau berjaya mendapat tawaran untuk melanjutkan pelajarannya di Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam program Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan (PJK). Atas dasar minat, beliau mempelajari bidang perubatan Islam dan dikurniakan ijazah perubatan Islam oleh Almarhum Tuan Guru Dato' Dr. Haji Harun Din.

Selain daripada pengajian agama, beliau juga bercita-cita mahu menyambung pengajiannya ke peringkat ijazah sarjana dalam bidang psikologi. Kata beliau,

“Sebenarnya ada hubung kait antara psikologi dengan permainan sepak takraw.”

(Ku Jaisman, 2019)

Beliau mendapati sepak takraw ini merupakan sukan yang penuh dengan provokasi dan hal ini menyebabkan beliau berasa terpanggil untuk mengkaji mengapa seseorang individu itu berkelakuan seperti itu dan mengapa seseorang individu ini berkelakuan seperti ini. Namun begitu, sehingga kini beliau belum mempunyai rezeki lagi untuk menyambung pengajiannya dalam bidang ijazah sarjana psikologi.

Penglibatan Awal Dalam Sukan Sepak Takraw

Ku Jaisman yang berasal dari kawasan luar bandar iaitu Felda Telui Kanan mula mengenali sukan sepak takraw ini apabila melihat masyarakat kampung yang bermain permainan itu. Setelah melihat, perasaan minat untuk bermain itu hadir lalu beliau mencari cara untuk mempelajari teknik dan cara bermain permainan sukan sepak takraw dengan betul. Tidak lama kemudian, beliau berhijrah ke Sg. Yan dan bertemu dengan cikgu Syukor iaitu individu yang berjasa mendidik beliau dalam sukan sepak takraw. Cikgu Syukor mempunyai sebuah rumah khas yang dijadikan sebagai tempat latihan dan tempat berkumpul para pemain sepak takraw negeri Kedah. Ketika usia muda, beliau sempat duduk

serumah dan berlatih bersama lagenda sukan sepak takraw negara iaitu K. Saravanan. Cikgu Syukor merupakan rakan abang kepada seniornya iaitu Hadi Suzir Abd Manap yang merupakan salah seorang pemain sepak takraw negara pada ketika itu. Sehingga kini, Cikgu Syukor dan Hadi Suzir merupakan tempat rujukan beliau untuk membawa pasukannya pergi lebih jauh dalam sukan sepak takraw

Pengalaman Sebagai Jurulatih Sepak Takraw

Ku Jaisman merupakan seorang guru Pendidikan Jasmani dan Kesihatan di SMK Dato' Haji Hussein, Selama, Perak. Beliau berkhidmat sebagai guru dan jurulatih pasukan sepak takraw sekolah hampir enam belas tahun. SMK Dato' Haji Hussein merupakan sekolah pertama beliau ditempatkan setelah beliau tamat belajar. Menurut beliau,

“Setakat ini belum bercadang untuk pindah ke mana-mana lagi untuk menyambung saya punya perkhidmatan dan saya rasa kalau boleh biarlah saya bersara di sekolah ini sebabnya sudah rasa selesa dengan apa yang saya buat di sini.”

(Ku Jaisman, 2019)

Beliau telah melatih pemain-pemain sepak takraw di SMK Dato' Haji Hussein sejak tahun 2003 dan beliau mula melatih pelajar kategori bawah 15 tahun dan 18 tahun. Tahun pertama beliau mengambil alih jawatan sebagai jurulatih, beliau telah berjaya mengharumkan nama baik sekolah dengan memenangi kedua-dua kategori tersebut di peringkat Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Daerah (MSSD) Larut Matang dan Selama. Sehingga kini beliau masih berjaya mengekalkan kejuaraan itu hampir setiap tahun kecuali pada tahun 2013 dan 2017 sahaja di mana pasukan bawah 18 tahun gagal memenangi kejuaraan. Meskipun begitu, mereka masih mengekalkan prestasi untuk mara ke peringkat akhir pada setiap tahun.

Selain itu, beliau juga menceritakan pengalaman pahit dan manis yang terpaksa beliau lalui sepanjang enam belas tahun berkhidmat sebagai seorang

guru, jurulatih dan juga sebagai ketua warden asrama antaranya adalah untuk mendapatkan keyakinan dan kepercayaan daripada rakan sekerja yang lain serta daripada ibu bapa para pelajar. Beliau terpaksa mencari dana sendiri bagi menampung kos perbelanjaan pasukan sepak takraw setiap kali menyertai pertandingan di luar. Beliau juga diberi tugas lebih di mana beliau diminta oleh pengetua SMK Dato' Haji Hussein untuk mengambil alih pasukan bola sepak sekolah supaya berjaya seperti mana pasukan sepak takraw sekarang. Namun begitu, beliau terpaksa menolak dengan baik atas faktor tidak mahu menjadi seperti peribahasa Melayu "*yang dikejar tidak dapat yang dikendong bercikiran*".

Walaupun menerima pelbagai ujian dan rintangan, beliau tetap menghadapinya dengan tenang kerana beliau berpegang teguh dengan kata hikmah 'gila' yang digunakan oleh gurunya iaitu Cikgu Syukor. 'Gila' yang dipegang sebagai prinsip beliau adalah bermaksud membuat setiap perkara itu dengan bersungguh-sungguh sehingga berjaya. Berkat niat ikhlas beliau dalam melatih anak-anak di desa, kejayaan beliau dalam sukan sepak takraw sudah semestinya dibantu oleh isteri beliau yang sentiasa menjadi tulang belakang kepada perjuangan beliau. Beliau yang sentiasa sibuk dan terpaksa membahagikan masanya untuk menjaga pelajar-pelajar di sekolah, di asrama, dan pemain-pemain sepak takraw bawah 15 tahun dan bawah 18 tahun dibantu oleh isterinya yang sentiasa faham dan sabar mengenai tugas beliau dan memberi sepenuh perhatian untuk membesarkan anak-anak mereka.

"Kepercayaan itu dengan memberi kejayaan ataupun saya memberi impak positif di mana lhamdulillah hasil daripada perkahwinan itu saya berjaya dengan pelbagai kejayaan sepak takraw dan semua itu bukti bahawa saya buat kerja bukan saya keluar daripada rumah untuk berfoya-foya."

(Ku Jaisman, 2019)

Sumbangan Dalam Sukan Sepak Takraw

Menteri Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan, Belia dan Sukan Sawarak, Datuk Abdul Karim Rahman Hamzah berkata "Jurulatih sukan hari ini mesti

melengkapkan diri dengan kemahiran dan pengetahuan yang relevan bagi menghadapi pelbagai cabaran melatih serta membimbing atlet” (Utusan Borneo, 2017). Hal ini dapat dibuktikan apabila hasil usaha beliau selama ini bermula dari melatih pelajar daripada akar umbi, kini beliau telah melahirkan ramai pemain sepak takraw yang berkualiti. Yus Hanif Rosli, Mohamad Hafiz Zulkifli, Amirul Ramadhan Fazillah Suhaimi dan paling menjadi bualan peminat sukan sepak takraw negara pada ketika ini sudah semestinya pemain posisi apit kanan negara saudara Mohammad Azlan Alias. Yus Hanif, Hafiz Zulkifli dan Amirul Ramadhan merupakan produk hasil daripada didikan beliau di SMK Dato’ Haji Hussein dan kini bermain bersama pasukan sepak takraw negeri Perak iaitu Perak Bison.

Pasukan Perak Bison telah menyertai Liga Sepak Takraw atau *Sepak Takraw League* (STL) 2016 Divisyen 1 dan Yus Hanif, Hafiz Zulkifli, dan Amirul Ramadhan telah membantu pasukan Perak Bison sehingga dinobatkan sebagai juara Divisyen 1 STL 2016 seterusnya melayakkan pasukan Perak Bison bersaing dalam Liga Perdana STL 2018 (STL 2018 *Premier League*) dan mendapat tempat ketiga dalam kejohanan (Azizan Hashim, 2019). Pasukan Perak Bison juga layak bersaing dalam Piala Juara-Juara STL 2018 (STL 2018 *Champions Cup*) dan mendapat tempat kedua serta menjadi juara Liga Perdana STL 2019 setelah menewaskan pasukan Penang Black Panthers yang diwakili seorang lagi anak didik beliau iaitu saudara Azlan Alias pada perlawanan terakhir liga mengatasi pasukan yang berada di tempat kedua ATM Guardians apabila jatuh ke takhta kedua liga dengan perbezaan set kemenangan meskipun mengumpul mata yang sama.

Seterusnya, atas faktor prestasi beliau dan pasukan sepak takraw SMK Dato’ Haji Hussein yang konsisten meraih gelaran juara di peringkat daerah Larut Matang & Selama serta di peringkat kebangsaan bagi acara sukan sepak takraw, SMK Dato’ Haji Hussein telah diiktiraf oleh Majlis Sukan Negara (MSN) sebagai Pusat Latihan Negeri (PLN), diiktiraf oleh Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) sebagai Sekolah Projek Sukan dan secara tidak langsung diiktiraf oleh Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) sebagai Pusat Latihan Daerah (PLD).

Mohd Azlan Alias, Apit Kanan Negara (Sukan Asia 2018)

Azlan Alias adalah produk hasil daripada didikan Ku Jaisman di SMK Dato' Haji Hussein sejak tahun 2009 dan merupakan yang pertama berjaya mewakili pasukan sepak takraw negara. Azlan Alias adalah hasil daripada usaha beliau selama enam belas tahun mendidik dan melatih pemain-pemain daripada peringkat sekolah.

Azlan Alias merupakan pemain yang sedang meningkat naik. Karier sepak takraw beliau bermula dengan mewakili pasukan sepak takraw PDRM (Polis Diraja Malaysia) dan seterusnya membantu Penang Black Panthers memenangi beberapa kejuaraan iaitu STL 2016, Liga Juara-Juara STL 2017 dan STL 2018.

Selain itu, saudara Azlan Alias juga telah berjaya mengharumkan nama negara dengan memenangi pingat emas dalam Sukan Asia atau *Asian Games* 2018 di Jakarta dan Palembang, Indonesia. Selepas aksi mendebarkan yang ditunjukkan oleh pasukan Malaysia di mana pasukan negara ketinggalan 19 mata berbalas 15 kepada pasukan Indonesia, dalam perlawanan kedua pasukan negara telah menunjukkan semangat juang yang tinggi dan akhirnya bangkit memenangi perlawanan dengan 22 mata berbalas 20 seterusnya mengheret pasukan Indonesia untuk bermain di pusingan ketiga di mana pasukan negara berjaya memenangi perlawanan tersebut dengan kiraan mata 21 mata berbalas 11. Azlan Alias muncul sebagai watak penting dengan rejeman-rejeman beliau yang menghasilkan mata menjadikan beliau sebagai pemain paling bernilai (*Most Valuable Player*).

Ekoran daripada persembahan beliau yang konsisten dalam saingan STL, kini beliau menjadi pilihan utama untuk mewakili pasukan sepak takraw negara dalam menghadapi saingan Sukan SEA atau *SEA Games* 2019 di Filipina. Usaha yang dimulakan oleh beliau sangat memberi kesan yang positif kepada sukan sepak takraw tanah air.

Pandangan dan Harapan Tokoh Dalam Sukan Sepak Takraw

Sukar untuk pasukan sepak takraw negara mengatasi musuh tradisi iaitu pasukan Thailand. Dari dulu hingga kini telah banyak usaha dilakukan oleh pasukan sepak takraw negara untuk mengatasi pasukan Thailand, namun masih belum membuahkan hasil. Sebaliknya, pasukan dari negara-negara jiran seperti Indonesia, Myanmar, Filipina dan banyak lagi mula mencabar pasukan sepak takraw negara.

Setelah membuat analisa dan kaji selidik secara peribadi, beliau pernah bertanya kepada jurulatih dari Thailand yang kebetulannya berkunjung ke Malaysia bagi memenuhi undangan sesuatu upacara. Beliau bertanya kepada jurulatih tersebut, “Bilakah pasukan sepak takraw Malaysia boleh menewaskan pasukan Thailand?” Jawab jurulatih tersebut dengan ringkas dan padat, “Disiplin pemain adalah faktor utama kejayaan pasukan sepak takraw Thailand. Disiplin yang diterapkan di kem sepak takraw Malaysia sudah bagus namun disiplin pasukan Thailand itu jauh lebih bagus dan pada masa yang sama tidak membatasi hak mana-mana individu yang terlibat.”

Sehubungan daripada itu, beliau berharap agar dapat melahirkan pemain-pemain yang berdisiplin dan berkualiti. Ramai anak-anak muda di bandar mahupun di desa yang mempunyai bakat dalam pelbagai bidang. Sekiranya usaha ini mendapat sambutan dan diusahakan bersama oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab, nescaya bukan sahaja dalam bidang sukan sepak takraw bahkan bidang lain juga negara kita mampu bersaing dan memberikan impak yang terbaik.

Kesimpulan

Kesimpulannya, hasil daripada temubual ini, masyarakat dapat menimba ilmu pengetahuan tentang sukan sepak takraw dengan lebih mendalam. Masyarakat khususnya generasi muda dapat mengetahui tentang sejarah sepak takraw, penglibatan tokoh dalam sepak takraw, kejayaan sepak takraw di peringkat rendah hingga ke peringkat antarabangsa. Di samping itu, dalam masa

yang sama masyarakat dapat mengetahui pandangan dan harapan individu yang berpengalaman dalam sukan sepak takraw. Selain itu juga, pembaca dapat meneroka dengan lebih meluas lagi tentang cabaran dan usaha yang perlu dilakukan untuk meningkatkan lagi mutu permainan sepak takraw yang semakin diminati ramai terutamanya golongan belia remaja setelah pasukan sepak takraw negara berjaya memenangi pingat emas dalam Sukan Asia 2018 baru-baru ini yang diadakan di Jakarta dan Palembang, Indonesia.

Rujukan

- Astro Awani. (2018, Ogos 28). Harits Asyraf Hasnan, & Israr Khalid. Sukan Asia 2018: Kemarau Emas 24 Tahun Sepak Takraw Berakhir! Diakses dari Astro Awani: <http://www.astroawani.com/berita-sukan/sukan-asia-2018-kemarau-emas-24-tahun-sepak-takraw-berakhir-184110>
- Azizan Hashim. (2019, Oktober 21). STL: Peluang Perak Muncul Juara. Diakses dari Stadium Astro: <http://www.stadiumastro.com/sukan/sepak-takraw/artikel/stl-peluang-perak-muncul-juara/151783>
- Haika Khazi. (2018, Ogos 31). Ini Bukan Emas 'Cikai' – PSM. Diakses dari Berita Harian Online: <https://www.bharian.com.my/sukan/lain-lain/2018/08/468297/ini-bukan-emas-cikai%C2%A0%E2%80%93%C2%A0psm>
- Harian Metro. (2018, Ogos 28). Takraw Tamat Kemarau 24 Tahun. Diakses dari Harian Metro Online: <https://www.hmetro.com.my/utama/2018/08/372137/takraw-tamat-kemarau-24-tahun>.
- Kosmo. (2019). Peluang Mohamad Azlan, Mohammad Syahir dan Farhan tampil aksi berkualiti. Diakses dari Kosmo Online: <https://www.kosmo.com.my/k2/genk/peluang-mohamad-azlan-mohammad-syahir-dan-farhan-tampil-aksi-berkualiti-1.767495>
- Ku Jaisman Ku Ismail. (2019, October 31). Temu bual personal. (Abu Ayub Ansari, & Zaim Aiman, Penemubual)
- Majlis Sukan Negara. (2018, September 3). Sepak Takraw Tamat Penantian 24 Tahun. Diakses dari Kementerian Belia dan Sukan Malaysia:

<http://www.kbs.gov.my/arkib-berita-kbs/4490-sepak-takraw-tamat-penantian-24-tahun.html?highlight=WyJhemxhbilsmFsaWFzliwiYXpsYW4gYWxpYXMiXQ==>

Star Metro. (2004, March 1). Ups-a-daisy.

Utusan Borneo Online. (2017). Lahir Lebih Ramai Jurulatih Berkaliber. Diakses dari <https://www.utusanborneo.com.my/2017/12/02/lahir-lebih-ramai-jurulatih-berkaliber>.

Utusan Malaysia. (2015). Perak Juara Berpasukan Sepak Takraw MSSM. Diakses dari Utusan Online: <https://www.utusan.com.my/sukan/perak-juara-berpasukan-sepak-takraw-mssm-1.71017>.